



LEMBAGA GETAH MALAYSIA

KENYATAAN TAWARAN

Lembaga Getah Malaysia (LGM) berhasrat untuk membina sebuah Pusat Penyelidikan Specialty Rubber Factory (SRF) untuk Kompleks Integrasi R&D Getah Mampam (IPC) di Stesen Penyelidikan RRIM, LGM, Kota Tinggi, Johor Darul Takzim. Kompleks IPC ini setelah siap kelak bakal mengeluarkan produk lateks pekat, getah termaju seperti Ekoprena®, Pureprena®, Loprol serta produk tambah nilai seperti *quebrachitol*, protein industri serta produk getah yang lain.

Tender adalah dipelawa kepada kontraktor-kontraktor yang dan berdaftar dengan **Kementerian Kewangan** dan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** serta **Pusat Khidmat Kontraktor (PKK)** dalam Kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta sijil-sijil yang masih belum tamat tempoh sah untuk membuat tawaran bagi kerja berikut;-

Rujukan Tender	Tajuk Projek	Pendaftaran	Tarikh / Masa & Tempat Lawatan Tapak / Taklimat
LGM/T/ IPC/10/2017	TAWARAN BAGI FABRIKASI, MEMBEKAL, MENGHANTAR, MEMASANG, MENYIAPKAN, MENGUJI DAN PENTAULIHAN SERTA LATIHAN UNTUK SISTEM DAN PERALATAN BERKAITAN DENGAN 'SPECIALTY RUBBER FACTORY' (SRF) BAGI KOMPLEKS INTEGRASI R&D GETAH MAMPAN DI ATAS SEBAHAGIAN LOT 322, STESEN PENYELIDIKAN LGM KOTA TINGGI, JOHOR DARUL TAKZIM.	CIDB Gred 6 Kategori ME Pengkhususan M15	<p><u>TAKLIMAT 1</u></p> <p>Tarikh : 22 Mei 2017 Masa : 10.00 pagi Tempat : Stesen Penyelidikan RRIM Kota Tinggi (SPKT), Lembaga Getah Malaysia (LGM), Batu 3 ½, Jln Mawai, 81900 Kota Tinggi, Johor Darul Takzim</p> <p>DAN</p> <p><u>TAKLIMAT 2</u></p> <p>Tarikh : 23 Mei 2017 Masa : 10.00 pagi Tempat : Pejabat BTK Stesen Penyelidikan RRIM Sg. Buloh, Lembaga Getah Malaysia (LGM), 47000 Sg. Buloh Selangor Darul Ehsan</p>
			<p>Tarikh / Masa & Tempat Jualan Dokumen</p> <p>Tarikh : 23 Mei 2017 – 10 Jun 2017 Masa : 8.30 pagi – 4.00 petang (Hari Bekerja Negeri Johor)</p> <p>Tempat : Stesen Penyelidikan RRIM Kota Tinggi (SPKT), Lembaga Getah Malaysia (LGM), Batu 3 ½, Jln Mawai, 81900 Kota Tinggi, Johor Darul Takzim</p>
			Kehadiran Ke Sesi Taklimat 1 dan Taklimat 2 Adalah DIWAJIBKAN

Lembaga Getah Malaysia (LGM) dengan ini mempelawa permohonan daripada pembida prospektif Tawaran seperti berikut;

- Sebuah Syarikat Malaysia yang ditakrifkan sebagai syarikat yang diperbadankan di Malaysia.
- Berpengalaman didalam kerja-kerja fabrikasi dan pemasangan sistem dan peralatan berkaitan dengan pemrosesan getah termaju
- Mempunyai rekod yang baik dan pengalaman kerja yang disahkan berkaitan dengan kerja-kerja fabrikasi dan pemasangan sistem dan peralatan berkaitan dengan pemrosesan getah termaju

Dokumen Tawaran boleh diperolehi pada waktu pejabat mulai tarikh dan alamat di atas dengan menunjukkan **SIJIL ASAL** pendaftaran CIDB dalam kod bidang berkenaan beserta sijil taraf Bumiputra (jika bertaraf Bumiputra) yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan Malaysia dan menyerahkan satu salinan (fotostat) sijil-sijil berkenaan semasa membeli Dokumen Tender Kontraktor-kontraktor atau wakil yang **SAH** sahaja dengan membawa '**Surat Tauliah**' yang menunjukkan diberi kuasa untuk mengambil dokumen bagi pihak syarikat yang akan dibenarkan membeli Dokumen Tender. Segala kos berhubung permohonan tender ini adalah ditanggung oleh pemohon.

Dokumen Tawaran boleh dibeli dengan harga **RM800.00 (Ringgit Malaysia : Lapan Ratus Sahaja)** senaskah yang tidak akan dikembalikan. Pembayaran hendaklah dibuat dalam bentuk (Bank Draf/Wang Pos atas nama **LEMBAGA GETAH MALAYSIA**. Wang Tunai/Cek tidak diterima.

Tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dengan mencatatkan Tajuk dan No. Rujukan Tender dan dimasukkan ke dalam Peti Tender/Sebutharga yang ditetapkan sebelum atau pada 15 Jun 2017, jam 12.00 tengahari, di:-

LEMBAGA GETAH MALAYSIA
Unit Pentadbiran, Tingkat 15, Bangunan Getah Asli (Menara)
No. 148 Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur.
(Peti No. 1 & 2)

Lembaga Getah Malaysia tidak bertanggungjawab di atas sebarang kelewatan Dokumen Tawaran yang diposkan